

24/10/1998

Pahang amal sikap mesra pelabur

Shariffudin Mohamed

STRATEGI dan pendekatan Pahang menarik pelaburan mendapat pujian terbuka daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pucuk pimpinan Pahang dan pegawai kanan kerajaan mempraktikkan konsep perkongsian pintar dengan merapatkan hubungan dengan pelabur, terutama dari luar negara.

Sikap mengambil berat mengenai masalah pelabur memberi kesan positif kepada peningkatan pelaburan asing dalam bidang kimia dan petrokimia di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.

Dr Mahathir memuji Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob atas kejayaannya menarik pelabur ke negeri itu ketika merasmikan kilang simen milik bersama kerajaan negeri dan Kumpulan YTL bernilai RM700 juta di Bukit Sagu, dekat Kuantan, pada 13 Jun lalu.

Laporan terbaru Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (Mida) yang dikeluarkan pada 16 Februari lalu menyebut pencapaian sektor pembuatan tahun lalu menjadi bukti Pahang semakin pesat menerima pelaburan asing.

Misalnya, pada 1996 Pahang menduduki tangga kelapan dari segi penerima pelaburan ke negara dengan nilainya cuma RM1.7 bilion tetapi melonjak ke tangga keempat tahun lalu dengan kemasukan pelaburan bernilai RM3.066 bilion.

Daripada pelaburan itu, 70.4 peratus daripadanya adalah dalam bidang kimia dan petrokimia di Gebeng.

Sejak membuka pintunya kepada industri jenis teknologi tinggi itu, Pahang berjaya menarik pelaburan RM8.462 bilion dengan yang terbaru ialah projek usaha sama syarikat gergasi Jerman, BASF dengan Petronas Chemicals Sdn Bhd yang ketika ini pada tahap reka bentuk terperinci.

Kilang bagi projek usaha sama ini membabitkan kawasan seluas 136 hektar di Gebeng dengan nilai pelaburan RM3.5 bilion.

Antara kilang kimia dan petrokimia lain yang beroperasi di situ ialah Amoco Chemical (M) Sdn Bhd dengan nilai pelaburan RM1.2 bilion, Kaneka Corporation (M) Sdn Bhd (RM200 juta), Eastman Chemicals (M) Sdn Bhd (RM250 juta), FPG Oleochemical Sdn Bhd (RM350 juta), MTBE (M) Sdn Bhd (RM1,190 juta) serta Oryovac (M) Sdn Bhd (RM230 juta).

Mengulas mengenai Mohd Khalil, bekas Pengarah Urusan BASF (M) Sdn Bhd, Juergen Knust tidak menolak kemungkinan hubungan rapat Menteri Besar dengan 'kapten' beberapa industri menjadi faktor penarik pelaburan ke Pahang.

Selain kemudahan di Pahang, beliau berkata, sikap Mohd Khalil yang gemar memberi ruang membolehkan banyak masalah pelabur diselesaikan dengan memuaskan.

"Tan Sri sentiasa mudah dihubungi, 24 jam sehari apabila kami menghadapi masalah," katanya.

Malah, menurut Knust, jika tidak kerana Mohd Khalil, pelaburan BASF di Gebeng mungkin terhalang, sekali gus merugikan Pahang.

"Pernah pada September lalu kami mengalami kerumitan berkaitan soal tanah. Saya segera menghubungi Menteri Besar yang kemudian bertindak memanggil Pengarah Tanah dan Galian negeri.

"Selepas itu, beliau memberitahu saya kerumitan itu diatasi pada mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri," katanya.

Tindakan pantas Menteri Besar diketahui oleh ibu pejabat BASF di Jerman yang terus membuat penilaian positif mengenai sikap kerajaan negeri dalam menangani soal pelaburan asing.

Ideanya dalam memperkenalkan agensi sehenti (one-stop agency) turut mendapat pujian kerana memudah serta mempercepatkan urusan kemasukan pelaburan asing ke negara ini.

Agensi itu di bawah tanggungjawab Setiausaha Kerajaan Negeri, dengan urusetianya ialah PKNP.

Satu daripada jawatankuasa yang terpenting di bawah agensi sehenti itu ialah jawatankuasa teknikal yang diketuai Pengurus Bahagian Industri PKNP, Rahim Ali.

"Pada mesyuarat inilah segala maklumat mengenai urusan memudahkan pelaburan ke negeri ini ditaklimatkan kepada pelabur.

"Pelabur pula ditanya kehendak mereka dengan mendapat jawapan segera, misalnya keupayaan membekalkan air atau elektrik," kata Rahim.

Beliau berkata, Menteri Besar sememangnya mengambil berat promosi pelaburan kerana tidak mahu pelabur mendapat gambaran yang negatif mengenai Pahang.

"Oleh itu, kita sentiasa berwaspada supaya taklimat diberikan sebaik mungkin," kata Rahim.

Sungguhpun Menteri Besar bersikap gemar memberi ruang kepada pelabur yang bermasalah tetapi ada batasannya seperti diakui Knust.

"Anda mungkin berkawan baik dengannya atau menjadi pasangannya di padang golf serta berkongsi cerita lucu, tetapi pastikan anda juga adalah pelabur yang baik di Pahang, sebagai tanda membalas budi," katanya.

Baru-baru ini, seorang pegawai dagang kanan sebuah kilang petrokimia diberi amaran kerana kerajaan negeri menerima aduan mengenai kelakuan yang menyalahi budaya masyarakat tempatan.

Ini begitu tegas dilaksanakan walaupun ada ura-ura daripada pengurusan wilayah kilang itu untuk menasihati ibu pejabat supaya menarik keluar pelaburan jika pegawai dagang berkenaan dikenakan tindakan.

Kilang itu bagaimanapun masih juga beroperasi, malah kini dikatakan sedang dalam rancangan menambah lagi pelaburan di Pahang.

(END)